

PNB

Permodalan Nasional Berhad
(38218-K)

ASNB

Amanah Saham Nasional Berhad
(47457-V)
Anak syarikat milik penuh PNB

LT

LAPORAN TAHUNAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2016



www.asnb.com.my

ISI KANDUNGAN

AMANAH SAHAM MALAYSIA (ASM)

NO. TAJUK	MUKA SURAT
I. Maklumat Tabung	2
II. Prestasi Tabung	3
III. Laporan Pengurus	9
IV. Penyata Pengurus	16
V. Penyataan Pemegang Amanah	17
VI. Laporan Juruaudit	18
VII. Penyata Kewangan	
A. Penyata Untung atau Rugi	20
B. Penyata Pendapatan Komprehensif	21
C. Penyata Aliran Tunai	22
D. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	23 - 36
VIII. Alamat Pejabat-pejabat ASNB	37 - 38
IX. Maklumat Korporat	40

LAPORAN PENGURUS AMANAH SAHAM MALAYSIA (ASM)

Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Malaysia (ASM) yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASM, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASM bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

I. MAKLUMAT TABUNG

A. KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham Malaysia	Ekuiti	Pendapatan

B. OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASM adalah untuk memberi peluang kepada pemegang-pemegang unit membuat pelaburan jangka panjang untuk menjana pulangan yang kompetatif dan berterusan menerusi pelaburan dalam portfolio yang dipelbagaikan.

C. PENANDA ARAS TABUNG

ASM yang diurusniagakan pada kadar harga tetap menggunakan penanda aras Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-Bulan (KLIBOR 3-Bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

D. POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN TABUNG

ASM akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

E. PEGANGAN UNIT

Pada 31 Mac 2016, seramai 536,862 individu telah menyertai ASM. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Bilangan Pemegang Unit		Bilangan Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	216,978	40.42	285,738,032	1.75
5,001-10,000	52,442	9.77	389,397,815	2.39
10,001-50,000	180,198	33.56	4,481,031,129	27.50
50,001-500,000	85,794	15.98	9,892,882,304	60.70
500,001 dan ke atas	1,450	0.27	1,248,609,272	7.66
JUMLAH	536,862	100.00	16,297,658,552	100.00

II. PRESTASI TABUNG

A. PERUMPUKAN ASET

- (i) Perumpukan Aset Bagi ASM Mengikut Pada Nilai Pasaran Sektor Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac (%)		
	2016	2015	2014
Pembinaan	3.89	2.16	1.85
Barangan Pengguna	5.24	6.26	6.91
Kewangan	21.70	22.89	22.05
Barangan Industri	3.21	4.59	5.14
Syarikat Projek Infrastruktur	3.76	3.33	4.18
Perlادangan	4.18	4.42	5.64
Hartanah	2.70	2.08	1.49
Perdagangan/Perkhidmatan	26.84	28.84	30.32
Lain-lain Sektor	1.60	1.89	1.76
Jumlah Pelaburan Ekuiti Disebut Harga	73.12	76.46	79.34
(i) Pelaburan di dalam unit amanah tidak disebut harga	0.44	0.43	0.31
(ii) Pelaburan di pasaran saham dan unit amanah	73.56	76.89	79.65
(iii) Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-lain Aset Bersih	26.44	23.11	20.35
JUMLAH	100.00	100.00	100.00

**ii) Pelaburan Disebut Harga Bagi Tahun Kewangan Berakhir
31 Mac 2016**

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas NAB pada Kos (%)	Nilai Pasaran sebagai Peratusan atas NAB pada Nilai Pasaran (%)
Pembinaan		
Gamuda Berhad	1.64	1.79
IJM Corporation Berhad	1.72	1.90
Sunway Construction Group Berhad	0.02	0.03
WCT Berhad	0.25	0.17
	3.63	3.89
Barangan Pengguna		
British American Tobacco (Malaysia) Berhad	0.32	0.36
Dutch Lady Milk Industries (Malaysia) Berhad	0.50	0.59
Fraser & Neave Holdings Berhad	0.56	0.67
MSM Malaysia Holdings Berhad	0.26	0.27
Nestle (Malaysia) Berhad	0.42	0.60
PPB Group Berhad	1.29	1.28
Tan Chong Motor Holdings Berhad	0.34	0.14
UMW Holdings Berhad	1.77	1.33
	5.46	5.24
Kewangan		
AMMB Holdings Berhad	1.61	1.11
Bursa Malaysia Berhad	0.48	0.54
CIMB Group Holdings Berhad	5.43	3.81
Hong Leong Bank Berhad	1.59	1.67
Malayan Banking Berhad	8.33	8.87
MNRB Holdings Berhad	0.03	0.03
Public Bank Berhad	3.61	4.14
RHB Capital Berhad	1.74	1.53
	22.82	21.70
Barangan Industri		
Lafarge Malayan Cement Berhad	0.65	0.62
Petronas Chemical Group Berhad	1.48	1.51
Petronas Gas Berhad	0.78	1.04
Shell Refining Company (Federation of Malaysia) Berhad	0.09	0.04
	3.00	3.21
Infrastruktur		
Digi.Com Berhad	2.57	2.86
Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad	0.26	0.38
YTL Power International Berhad	0.64	0.52
	3.47	3.76
Perladangan		
Felda Global Ventures Holdings Berhad	0.28	0.28
Hap Seng Plantations Holding Berhad	0.10	0.09
IOI Corporation Berhad	2.14	2.16
Kuala Lumpur Kepong Berhad	0.71	0.80
United Plantations Berhad	0.82	0.85
	4.05	4.18

**ii) Pelaburan Disebut Harga Bagi Tahun Kewangan Berakhir
31 Mac 2016 (samb.)**

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas NAB pada Kos (%)	Nilai Pasaran sebagai Peratusan atas NAB pada Nilai Pasaran (%)
Hartanah		
IOI Properties Group Berhad	0.67	0.71
Mah Sing Group Berhad	0.63	0.57
SP Setia Berhad	0.44	0.43
Sunway Berhad	1.01	0.99
	2.75	2.70
Perdagangan/Perkhidmatan		
Amway (Malaysia) Holdings Berhad	0.36	0.46
Astro Malaysia Holdings Berhad	0.85	0.88
Axiata Group Berhad	4.27	4.26
Berjaya Auto Berhad	0.45	0.45
Bumi Armada Berhad	0.86	0.32
Bintulu Port Holdings Berhad	0.19	0.23
Dialog Group Berhad	0.28	0.32
IHH Healthcare Berhad	0.43	0.52
KPJ Healthcare Berhad	0.44	0.45
Malakoff Corporation Berhad	0.34	0.35
Malaysia Airports Holdings Berhad	0.96	1.03
Maxis Berhad	1.50	1.70
Media Prima Berhad	0.23	0.16
MISC Berhad	0.98	1.08
MMC Corporation Berhad	0.12	0.11
Petronas Dagangan Berhad	1.17	1.22
SapuraKencana Petroleum Berhad	1.79	0.90
Sime Darby Berhad	5.54	5.02
Star Publications (Malaysia) Berhad	0.49	0.39
Tenaga Nasional Berhad	3.47	4.41
Telekom Malaysia Berhad	1.21	1.50
UMW Oil & Gas Corporation Berhad	0.43	0.14
Westports Holdings Berhad	0.85	0.94
	27.21	26.84
REITs		
AXIS Real Estate Investment Trust	0.20	0.27
CapitaMalls Malaysia Trust	0.27	0.33
KLCC Property Holdings Berhad	0.28	0.39
Pavillion Real Estate Investment Trust	0.03	0.05
Sunway Real Estate Investment Trust	0.41	0.56
	1.19	1.60
Jumlah Pelaburan di Pasaran Ekuiti	73.58	73.12
Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-lain Aset Bersih	26.42	26.88
JUMLAH	100.00	100.00

B. MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan prestasi maklumat kewangan bagi tempoh tiga (3) tahun terdahulu:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
	2016	2015	2014
Unit dalam edaran (Juta)	16,297.70	15,289.60	14,350.00
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.17	1.07	1.10
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.34	0.23	0.26

Nota:

1. *Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. NPP untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 meningkat berbanding dengan NPP untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 kerana Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dikenakan ke atas bayaran pengurusan dan perbelanjaan berkuatkuasa dari 1 April 2016.*
2. *Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan. NPGP untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 adalah lebih tinggi berbanding dengan NPGP untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 kerana jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 adalah lebih tinggi daripada tahun kewangan sebelumnya.*

C. PENGAGIHAN PENDAPATAN

Perbandingan pengagihan pendapatan ASM bagi tempoh 3 tahun:

Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
	2016	2015	2014
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit) ¹	6.30	6.60	6.60
RM Juta	1,023.03	1,007.80	945.24
Tarikh Pembayaran	1 April	1 April	1 April

Pengagihan pendapatan ini dikira berdasarkan jumlah unit minimum bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh kewangan tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

D. PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASM adalah seperti berikut:

Pulangan	Pada 31 Mac 2016		
	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit) ¹	6.30	6.50	6.60
Kadar Pengagihan Pendapatan Khas (sen seunit)	-	-	0.00
KLIBOR 3-bulan (%) ²	3.71	3.59	3.59

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota :

1. (a) 1 tahun ialah pengagihan pendapatan dan bonus bagi tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan dan bonus bagi 2 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 3.
 - (b) 3 tahun ialah pengagihan pendapatan dan bonus tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan dan bonus bagi 2 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 3.
 - (c) 5 tahun ialah pengagihan pendapatan dan bonus tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan dan bonus bagi 4 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 5 .
2. Kadar KLIBOR 3-bulan adalah berdasarkan kepada faedah penghujung bulan.

E. PENCAPAIAN OBJEKTIF TABUNG

ASM telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang unit, untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016. ASM telah memperolehi pendapatan daripada dividen kasar dari saham disebut harga, keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan, dan lain-lain pendapatan, seperti jadual berikut:

Sumber Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Dividen kasar daripada saham disebut harga	446.38	471.65	449.12
Keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan	711.74	595.99	561.77
Lain-lain pendapatan	191.61	182.64	189.79
JUMLAH PENDAPATAN	1,349.73	1,250.28	1,200.68

F. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2016, ASM telah mengagihkan pulangan pendapatan sebanyak 6.30% berbanding dengan 3.71% Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-bulan (KLIBOR 3-bulan) yang dicatatkan pada penghujung bulan tersebut. (Sumber: Bank Negara Malaysia, BNM)

Kadar pulangan pendapatan bagi ASM adalah lebih rendah daripada tahun sebelumnya tetapi masih di tahap memuaskan berikutan dengan keadaan pasaran ekuiti yang mencabar tahun lalu.

	Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac				
	2016	2015	2014	2013	2012
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	6.30	6.60	6.60	6.50	6.50
Kadar Pengagihan Pendapatan Khas(sen seunit)	-	-	-	0.30	-
KLIBOR 3-bulan (%)*	3.71	3.73	3.33	3.21	3.19

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

*Kadar KLIBOR 3-bulan adalah berdasarkan kepada faedah penghujung bulan bagi sesuatu tahun kewangan.

G. PERUBAHAN KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG

Pada 29 Mac 2016, saiz tabung yang dibenarkan telah ditingkatkan dari 17.042 billion unit kepada 18.18 billion unit.

H. SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASM tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjelaskan kepentingan pemegang unit.

I. KOMISYEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

III. LAPORAN PENGURUS

A. POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASM adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang, pelaburan kolektif dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Suratikatan ASM. ASM boleh melaburkan sehingga 95% daripada NAB ASM pada kos dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASM boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

B. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN KEWANGAN

i) Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016, strategi pelaburan ASM telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap yang difikirkan wajar berdasarkan keadaan ekonomi dan pasaran modal global dan tempatan. Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding aset sekuriti berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, selaras dengan risiko pasaran yang diambil.

Pelaburan ASM dalam ekuiti telah ditumpukan kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai asas yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah serta disokong oleh permintaan domestik yang tegar dan juga kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global. Sektor pembinaan adalah antara sektor yang menjadi tumpuan dalam tempoh tahun kewangan ini. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan kepada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten seperti sektor kepenggunaan dan amanah pelaburan harta tanah (REIT). Pelaburan dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut membolehkan ASM mencapai kadar pulangan yang lebih daripada apa yang dicatatkan oleh penanda aras.

ii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016, ASM telah meningkatkan pulangan melalui pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap yang mempunyai perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan. Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dilaksanakan setelah analisa kredit dilakukan dan mementingkan penarafan kredit sekurang-kurangnya taraf 'A' yang diberikan oleh RAM Rating Services Berhad (RAM Ratings) atau setaraf dengannya yang diberikan oleh agensi penarafan di Malaysia. Walau bagaimanapun, ASM masih membuat pelaburan yang lebih tinggi dalam pasaran wang berbanding sekuriti berpendapatan

tetap. Ini bagi membolehkan ASM memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham pada masa yang bersesuaian, seiring dengan pengamalan perumpukan aset yang aktif.

C. ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak 113.20 mata atau 6.18% untuk ditutup pada paras 1,717.58 mata pada 31 Mac 2016, berbanding 1,830.78 mata yang dicatatkan pada 31 Mac 2015. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatatkan paras tertinggi iaitu 1,862.80 mata pada 21 April 2015, manakala paras terendah iaitu 1,532.14 mata telah dicatatkan pada 24 Ogos 2015.

Penanda aras sektor dalam pasaran saham Bursa Malaysia pula mencatatkan prestasi bercampur-campur pada 31 Mac 2016, berbanding setahun yang lalu. Sektor teknologi mencatatkan kenaikan tertinggi sebanyak 6.33%, diikuti oleh sektor pengeluaran perindustrian yang mencatatkan kenaikan sebanyak 6.13%. Sementara itu, sektor harta tanah mencatatkan penurunan tertinggi sebanyak 9.84%, diikuti oleh sektor perlombongan yang mencatatkan penurunan sebanyak 9.35% dan sektor kewangan yang merosot sebanyak 9.05% berbanding pada 31 Mac 2015. Ini adalah berikutan kemerosotan harga minyak mentah sebanyak 28.14% dan aliran keluar dana asing disebabkan faktor ekonomi negara yang agak lemah. Antara saham-saham syarikat dalam sektor harta tanah yang mencatatkan penurunan ialah Mah Sing Group Berhad (-13.83%) dan Sunway Berhad (-4.13%). Bagi sektor kewangan, AMMB Holdings Berhad dan CIMB Group Holdings Berhad merosot sebanyak 27.67% dan 22.03% masing-masing berbanding pada 31 Mac 2015. Dalam sektor perlombongan, UMW Oil & Gas Corporation Berhad mencatatkan penurunan sebanyak 60.43% untuk tempoh yang sama.

Di rantau ASEAN, prestasi indeks FBM KLCI mencatat penurunan paling sedikit berbanding indeks utama serantau seperti Singapura (STI) yang merosot sebanyak 17.58%, Indonesia (JCI) (-12.20%), Filipina (PCOMP) (-8.45%) dan Thailand (SET) (-6.52%) bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Mac 2016. Bagi negara-negara Asia yang lain, indeks Shanghai (SSE) mencatatkan prestasi tercorot dengan penurunan sebanyak 19.85% kepada 3,003.92 mata. Ini diikuti oleh indeks Hong Kong Hang Seng (HSI), Australia (ASX) dan Jepun (NKY) dengan penurunan sebanyak 16.56%, 13.73% dan 12.75% masing-masing.

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016, pasaran saham global diselubungi keadaan persekitaran

dagangan yang mencabar. Antara faktor-faktor yang memberi kesan termasuk ketidakstabilan geopolitik di Timur Tengah dan Eropah Timur, kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi negara China, kejatuhan pasaran saham negara China dan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat. Pasaran saham tempatan, khususnya, mengalami pengaliran keluar dana asing disebabkan oleh kebimbangan terhadap keadaan ekonomi Malaysia berikutan kejatuhan harga komoditi, isu dalaman domestik dan kejatuhan mata wang Ringgit.

Harga minyak mentah dunia mencatatkan kejatuhan sebanyak 28.14% daripada paras USD55.11 setong kepada USD39.60 setong berikutan lebihan bekalan akibat keengganan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (Organization of the Petroleum Exporting Countries, OPEC) untuk mengurangkan pengeluaran minyak dan permintaan yang lemah ekoran pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan. Kejatuhan ini telah mengakibatkan pelaburan dan aktiviti dalam sektor minyak dan gas berkurangan. Sehubungan dengan itu, para pelabur meragui prospek ekonomi negara-negara pengeksport minyak seperti Australia, Brazil dan juga Malaysia.

Penurunan harga minyak mentah telah memberikan tekanan kepada ekonomi Malaysia serta mata wang Ringgit. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit menyusut sebanyak 5.26% untuk ditutup pada paras RM3.899/USD pada 31 Mac 2016, daripada paras RM3.704/USD pada 31 Mac 2015. Sepanjang tahun kewangan, Ringgit telah mencatatkan paras tertinggi iaitu RM3.557/USD pada 28 April 2015, manakala paras terendah iaitu RM4.457/USD telah dicatatkan pada 29 September 2015. Selain itu, dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun kewangan, jangkaan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat berikutan ekonomi Amerika Syarikat yang semakin kukuh juga mengakibatkan aliran keluar dana daripada pasaran kewangan serantau.

Tindakan China yang menyusutkan nilai mata wang Renminbi (CNY) sebanyak 2% pada bulan Ogos 2015 adalah sebahagian daripada usaha negara tersebut supaya CNY dipertimbangkan sebagai salah satu rizab mata wang Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) di samping menggalakkan aktiviti eksport bagi merangsang pertumbuhan ekonominya. Susulan daripada tindakan tersebut, pasaran saham global telah mengalami kejatuhan. FBM KLCI turut mengalami penurunan akibat penjualan saham-saham oleh pelabur asing dan ditutup pada paras terendah iaitu 1,532.14 mata pada 24 Ogos 2015. Walau bagaimanapun, pada bulan September 2015, kerajaan Malaysia telah mengumumkan langkah-langkah untuk menstabilkan ekonomi negara bagi mengembalikan semula keyakinan pelabur. Antara langkah-langkah yang diumumkan adalah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang mempunyai pelaburan di luar negara disaran untuk membawa pulang keuntungan ke Malaysia dan juga pengaktifan semula Valuecap Sdn. Bhd. dengan modal sebanyak RM20 billion, yang akan dilaburkan secara berperingkat.

Sentimen pelabur-pelabur tempatan mahupun asing semakin pulih pada suku akhir tahun kewangan ASM yang berakhir pada 31 Mac 2016, apabila pasaran saham mencatat pengaliran masuk dana asing sebanyak RM5.84 bilion. Ini berikutan perkembangan ekonomi Malaysia yang melebihi jangkaan, apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 4.5% bagi suku akhir 2015 (jangkaan: 4.1%) dan KDNK penuh tahun 2015 meningkat sebanyak 5.0% (jangkaan: 4.9%) didorong oleh permintaan dalaman serta eksport. Prestasi matawang Ringgit yang meningkat naik dan kenaikan harga-harga komoditi seperti minyak kelapa sawit dan minyak mentah turut menyumbang kepada pemulihan sentimen pasaran saham dalam tempoh ini (Sumber: BNM).

D. ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN DAN KADAR FAEDAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016, Jawatankuasa Dasar Kewangan (Monetary Policy Committee, MPC) BNM telah mengekalkan Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate, OPR) pada kadar 3.25%. Walau bagaimanapun, BNM telah memutuskan untuk mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) sebanyak 50 mata asas pada bulan Januari 2016, bagi memastikan terdapat mudah tunai yang mencukupi. Tindakan ini diambil setelah persaingan berterusan di kalangan bank untuk mendapatkan pendanaan telah meningkatkan kadar antara bank, termasuk kadar antara bank 3-bulan (KLIBOR 3-bulan) yang mencecah 3.90% pada bulan Disember 2015. Susulan itu, KLIBOR 3-bulan telah turun kepada 3.71% setakat 31 Mac 2016.

Dalam tempoh yang sama, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysia Government Securities, MGS) untuk bon 10 tahun telah turun sebanyak 36 mata asas, iaitu daripada 4.14% kepada 3.78%. Ini berikutan peningkatan pengukuran nilai matawang Ringgit berbanding USD kerana kenaikan kadar faedah oleh Rezab Persekutuan Amerika Syarikat dijangka akan dilaksanakan secara lebih perlahan dan pada kadar yang lebih rendah.

Pasaran sekuriti hutang swasta bertaraf AA dan AAA jangka sederhana dan panjang, 3 hingga 10 tahun, turut mencatatkan penurunan kadar hasil antara 10 hingga 20 mata asas selaras dengan sentimen risiko semasa.

E. PROSPEK EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) melalui Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) terbitan April 2016, telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global untuk tahun 2016 pada 3.2%, iaitu penurunan sebanyak 0.2% berbanding unjuran yang dilaporkan pada bulan

Januari 2016. Unjuran tersebut menunjukkan sedikit peningkatan berbanding kadar pertumbuhan ekonomi global pada 2015, iaitu 3.1%.

IMF turut mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara maju bagi tahun 2016 sebanyak 1.9%. Unjuran ini selaras dengan pertumbuhan yang telah dicatatkan pada tahun 2015. Amerika Syarikat masih merupakan pemacu utama pertumbuhan ini, didorong oleh keadaan kewangan negara yang stabil serta pemulihan sektor perumahan. Namun begitu, keutuhan nilai mata wang Dolar Amerika (USD) dijangka akan memberikan kesan negatif terhadap nilai eksport AS, manakala harga minyak mentah yang kekal rendah akan mengurangkan pelaburan dalam sektor industri minyak dan gas.

Sementara itu, peningkatan perbelanjaan fiskal, disokong oleh harga minyak mentah yang rendah dan pakej rangsangan monetari oleh bank pusat Eropah dijangka akan memberi kesan positif yang mengatasi impak kelemahan eksport dan produktiviti di Eropah. Pertumbuhan ekonomi Jepun pula dijangka akan stabil pada kadar 0.5%, disokong oleh bantuan fiskal dan harga minyak mentah yang rendah.

Bagi negara-negara membangun pula, IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.1% bagi tahun 2016. Ini merupakan sedikit peningkatan berbanding dengan kadar 4.0% pada tahun 2015, didorong oleh pertumbuhan ekonomi India (+7.5%) dan negara-negara ASEAN (+4.8%). Pertumbuhan ekonomi China pula diunjurkan lebih perlahan, iaitu sebanyak 6.5% bagi tahun 2016 berbanding 6.9% pada tahun 2015. Ini adalah disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan pelaburan di kala China melalui pengimbangan semula ekonomi daripada ekonomi yang berteraskan pelaburan dan pembuatan kepada ekonomi yang berteraskan penggunaan dan perkhidmatan.

Beralih kepada ekonomi Malaysia, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pengubahsuaian Bajet 2016 berikutan kejatuhan harga minyak mentah yang berterusan pada akhir tahun 2015. Kerajaan telah menyemak unjuran pertumbuhan ekonomi negara kepada 4.0% hingga 4.5% bagi tahun 2016. Sebelas langkah penstrukturran dan pengubahsuaian diperkenalkan untuk mengurangkan kesan akibat kejatuhan harga minyak mentah dan ketidaktentuan ekonomi global. Namun begitu, unjuran defisit fiskal masih dikekalkan pada 3.1% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi tahun 2016. Eksport dijangka akan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi, di mana ia dijangka akan berkembang sebanyak 4.7% berbanding pertumbuhan sebanyak 0.7% pada tahun 2015.

Tahun 2016 merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang akan memberi penekanan kepada nilai inovasi terutamanya pelaksanaan projek dengan pantas,

kos rendah dan berimpak tinggi. RMK-11 akan terus menyokong sektor pembinaan, dengan pelaksanaan projek-projek seperti projek tambahan laluan transit aliran ringan (LRT) dan projek Aliran Transit Massa (MRT) yang dijangka akan menyokong pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2016. Kadar inflasi juga dijangka kekal terkawal bagi tahun 2016 dalam lingkungan antara 2.0% sehingga 3.0%, dipengaruhi oleh harga komoditi dan minyak mentah yang dijangka akan kekal rendah.

Untuk tahun 2016, pasaran saham tempatan dijangka akan terus mencabar ekoran ketidaktentuan harga komoditi dan nilai Ringgit serta jangkaan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat. Risiko geopolitik di Timur Tengah, kelemahan keadaan ekonomi di Eropah dan ekonomi China yang semakin perlahan turut akan mempengaruhi prestasi pasaran saham.

Namun begitu, pemulihan pasaran saham tempatan akan disokong oleh nilai Ringgit yang kekal stabil dan harga minyak mentah yang dijangka akan beransur-ansur meningkat. Konsensus Bloomberg meletakkan harga minyak mentah Brent pada USD41 setong bagi tahun 2016. Selain itu, pengaliran masuk wang asing dijangka turut membantu meningkatkan pasaran saham ekoran unjuran peningkatan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat yang lebih perlahan pada tahun 2016 berbanding unjuran terdahulu, persekitaraan kadar faedah negatif di Kesatuan Eropah dan Jepun serta unjuran peningkatan pertumbuhan ekonomi ASEAN. Kerajaan China turut memberikan komitmen untuk terus mengambil langkah-langkah menerusi dasar fiskal atau polisi kewangan untuk menstabilkan ekonomi, mata wang dan pasaran saham negaranya. Ini dapat mengurangkan impak negatif kepada ekonomi Malaysia disebabkan kelembapan ekonomi China.

Kadar Dasar Semalam (OPR) dijangka akan dikenakan pada paras yang sama, iaitu pada kadar 3.25% sehingga berakhir tahun kewangan 2017, seajar dengan pendirian dasar akomodatif BNM. Jangkaan ini berlatarbelakangkan pertumbuhan ekonomi negara yang sederhana, kadar inflasi yang kekal terkawal dan ketidaktentuan permintaan dari ekonomi-ekonomi utama dunia. Perubahan OPR, jika ada, akan bergantung kepada keadaan ekonomi semasa dan risiko pasaran global yang dicetuskan oleh persekitaraan luaran. Pergolakan dalam pasaran kewangan antarabangsa dijangka berkurangan, tetapi pasaran akan terus dipengaruhi oleh perubahan dalam mudah tunai global dan sentimen pelabur.

Pasaran sekuriti berpendapatan tetap tempatan dijangka akan terus didokong oleh pelaburan asing berikutan pengukuhan sentimen terhadap aset negara-negara membangun, selepas Rizab Persekutuan Amerika Syarikat akan hanya menaikkan kadar faedah pada kadar yang lebih perlahan daripada yang dijangkakan sebelum ini. Pelaburan asing dalam MGS pada bulan Mac 2016 sebanyak RM11.5 billion adalah yang tertinggi sejak Mei 2014. Penambahan pelaburan asing ini adalah berkedaran langsung

dengan pengukuhan nilai Ringgit berbanding USD. Sentimen positif ini dijangka akan berterusan berikutan keputusan agensi-agensi penarafan antarabangsa untuk mengekalkan penarafan kredit untuk Malaysia pada taraf "A-" hasil daripada komitmen kerajaan terhadap rasionalisasi fiskal.

F. STRATEGI PELABURAN MASA HADAPAN

i) Ekuiti

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017, strategi pelaburan ASM adalah untuk memberi fokus kepada saham-saham dalam sektor-sektor yang dijangkakan dapat memberi pulangan yang baik, di samping mengekalkan perumpukan aset yang aktif. Pelaburan ASM dalam ekuiti akan ditumpukan kepada saham-saham syarikat yang mempunyai asas fundamental yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi, prestasi syarikat dan juga tema pelaburan semasa. Sektor-sektor tumpuan antaranya termasuklah sektor pembinaan dan sektor penjagaan kesihatan.

Untuk mengekalkan keseimbangan antara pertumbuhan dan pulangan dividen yang tinggi, ASM akan turut memberi fokus kepada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai prospek dividen yang tinggi, yang diniagakan di bawah harga wajar seperti sektor telekomunikasi dan sektor REIT. Di samping itu, ASM akan sentiasa mengambil peluang untuk menjual saham-saham yang sudah mencapai nilai penuh pada tahap pasaran yang menguntungkan.

ii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Untuk mempelbagaikan aset dalam portfolio, ASM akan terus melabur dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Dalam usaha untuk meningkatkan pulangan, ASM akan memberi fokus kepada pelaburan dalam instrumen-instrumen seperti sekuriti hutang swasta dan sukuk yang mampu menjana kadar hasil yang lebih tinggi daripada portfolio semasa, setelah mengambil kira faktor-faktor seperti kecairan dana dan risiko yang bakal ditanggung oleh ASM. Bagi mengurangkan sensitiviti portfolio sekuriti berpendapatan tetap kepada sebarang perubahan kadar faedah, ASM akan memberi keutamaan kepada pelaburan dalam instrumen jangka pendek dan sederhana.

ASM akan sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan untuk memberikan pulangan yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang.

IV. PENYATA PENGURUS

**Kepada Pemegang-pemegang Unit
AMANAH SAHAM MALAYSIA**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016, berserta dengan nota-nota yang dikepulkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, yang telah diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2016, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 3 Mei 2016.

**Tun Ahmad Sarji
bin Abdul Hamid**
Pengerusi

**Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah
bin Che Othman**
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
3 Mei 2016

**V. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
31 MAC 2016**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
AMANAH SAHAM MALAYSIA

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAH SAHAM MALAYSIA selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAH SAHAM MALAYSIA adalah mencukupi dan penilaian/ penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM MALAYSIA sepetimana yang diisyiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM MALAYSIA.

Yang Benar,
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM MALAYSIA

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMANAH SAHAM MALAYSIA (“Unit Amanah”), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2016 , penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 20 hingga 37.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) disesuaikan mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, perlaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Unit Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, preskripsi khusus Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, kecuali untuk pengecualian yang telah diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2016 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam ekuiti serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain perkara

